


ARAHAN AMALAN

Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia



TAHUN 2019

KANDUNGAN ARAHAN AMALAN TAHUN 2019

TAJUK	MUKA SURAT
1. ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2019 Permohonan Kebenaran Berpoligami Bagi Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-Lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)	1
2. ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 2019 Perintah Terhadap Penghutang Penghakiman Untuk Membayar Balik Kepada BSK Wang Pendahuluan Nafkah Yang Telah Dibayar Kepada Pemiutang Penghakiman Dalam Kes Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah Nafkah	7
3. ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 2019 Garis Panduan dan Format Penyediaan Penyata Keterangan Plaintiff, Defendan Dan Saksi Secara Bertulis	8
4. ARAHAN AMALAN NO. 4 TAHUN 2019 Penentuan Mahkamah Yang Berbidang Kuasa Mendengar dan Membicarakan Permohonan Perkahwinan Bawah Umur	12
5. ARAHAN AMALAN NO. 5 TAHUN 2019 Garis Panduan Skala Pentaksiran Jumlah Nafkah Anak	13
6. ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 2019 Amalan Pengesahan Talaq Di Luar Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah Serta Penjelasan Keengganan Bersumpah <i>(Dibaca Bersama AA 2/2006)</i>	15
7. ARAHAN AMALAN NO. 7 TAHUN 2019 Garis Panduan Perbicaraan Kes Mal Secara Inquisitorial	24
8. ARAHAN AMALAN NO. 8 TAHUN 2019 Penerimaan Dokumen Pengesahan Mastautin Sebagai Bukti Permastautinan	29

TAJUK	MUKA SURAT
9. ARAHAN AMALAN NO. 9 TAHUN 2019 Proses Kerja Permohonan Semakan Di Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah <i>(Dibaca Bersama AA 5/2004, 7/2014 & 6/2018,)</i>	31
10. ARAHAN AMALAN NO. 10 TAHUN 2019 Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai dan Petugas Dalam Mahkamah Syariah	63
11. ARAHAN AMALAN NO. 11 TAHUN 2019 Pendengaran Permohonan Perintah Interim Injunksi Ex Parte Yang Difaikkan Atas Perakuan Segera <i>(Dibaca Bersama AA 5/2016)</i>	70
12. ARAHAN AMALAN NO. 12 TAHUN 2019 Penggunaan Kod Kes E Syariah Versi 3	73
13. ARAHAN AMALAN NO. 13 TAHUN 2019 Penyelarasan Format Perintah Mahkamah-Mahkamah Syariah Di Negeri Seluruh Malaysia Dan Dijana Melalui Sistem E-Syariah	171



جابتن كحاکيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 5 (42)
Takwim : 25 Rabi'ul Akhir 1441H
Tarikh : 23 Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2019

Permohonan Kebenaran Berpoligami Bagi Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-Lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 2 hingga 3 Rabiul' Awwal 1441H bersamaan 30 hingga 31 Oktober 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahkan Amalan bahawa sebelum apa-apa perintah diputuskan, hakim yang mendengar permohonan kebenaran berpoligami yang difailkan oleh Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-Lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), hendaklah memastikan pengesahan pemakluman Ketua Pengarah APMM telah diperoleh melalui Borang Permohonan Kebenaran Berpoligami Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang telah lengkap seperti di lampiran.

Arahkan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.

(DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA



**BORANG PERMOHONAN KEBENARAN BERPOLIGAMI
AGensi PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA**

1. Nama/Pangkat:
2. Jawatan:
3. Bahagian/Pejabat:
4. Isteri-isteri sedia ada (sertakan lampiran jika berkaitan):
 - (a) Nama:
 - (b) No. K/Pengenalan:
 - (c) Tarikh berkahwin:
 - (d) Pekerjaan/Alamat majikan:.....
 - (e) Gaji sebulan:
 - (f) Bilangan anak hasil perkahwinan dengan pemohon:
 - (g) Bilangan anak dengan suami dahulu:.....
5. Bakal Isteri:
 - (a) Nama:
 - (b) Alamat:
.....
 - (c) Pekerjaan:
 - (d) Alamat Majikan :.....
.....

- (e) Gaji sebulan:
- (f) Anak dara/janda: Tarikh bercerai:
No. Sijil Cerai:
- (g) Kewarganegaraan:
- (h) Nama bapa bakal isteri dan alamat:
.....
.....
- (i) Nama ibu bakal isteri dan alamat:
.....
.....
- (j) Kewarganegaraan bapa:
- (k) Kewarganegaraan ibu:
6. Adakah isteri sekarang mengetahui cadangan perkahwinan pemohon dengan penama di para (5) di atas? - Ya/Tidak.
7. Adakah isteri sekarang bersetuju dengan cadangan perkahwinan pemohon dengan penama di para (5) di atas? - Ya/Tidak.
8. Tempat/Tarikh Pernikahan:
.....

9. Pendapatan bulanan

	Perkara	Pegawai	Isteri
i)	Gaji:	RM	RM
ii)	Jumlah Semua Imbuhan Tetap atau Elaun:	RM	RM
iii)	Sewa Rumah / Kedai:	RM	RM
iv)	Dividen (Nyatakan):		
		RM	RM
		RM	RM
		RM	RM
		RM	RM
v)	Lain-lain (Nyatakan):		
		RM	RM
		RM	RM
		RM	RM
		RM	RM
	Jumlah	RM	RM

10. Tanggungan Bulanan

	Perkara	Pegawai		Isteri	
		Jumlah Pinjaman/ Perbelanjaan (RM)	Jumlah Bayaran Bulanan (RM)	Jumlah Pinjaman/ Perbelanjaan (RM)	Jumlah Bayaran Bulanan (RM)
i)	Pinjaman Perumahan:				
ii)	Pinjaman Kenderaan:				
iii)	Pinjaman Koperasi:				
iv)	Lain-lain Pinjaman:				
v)	Cukai Pendapatan:				
vi)	Lain-lain Perbelanjaan:				
	Jumlah:				

(Sila kemukakan Penyata Gaji bagi 3 bulan terkini)

11. Tarikh terakhir membuat pengisytiharan harta:

"Saya..... (nama/pangkat) dengan
sesungguhnya mengaku bahawa butir-butir yang diberikan di atas adalah benar."

Diperbuat dengan sebenarnya oleh saya pada

.....
(Tandatangan Pemohon)

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

12. Pengesahan semakan rekod tatatertib. (Sila lampirkan surat pengesahan semakan).

13. Sokongan dan ulasan Ketua Jabatan:

.....
.....
.....

Tarikh:

(Tandatangan Ketua Jabatan)

14. Ulasan Ketua Pengarah:

.....
.....
.....

Tarikh:

(Tandatangan Ketua Pengarah)



جائتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 5 (43)
Takwim : 25 Rabi'ul Akhir 1441H
Tarikh : 23 Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 2019

Perintah Terhadap Penghutang Penghakiman Untuk Membayar Balik Kepada Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Wang Pendahuluan Nafkah Yang Telah Dibayar Kepada Pemiutang Penghakiman Dalam Kes Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah Nafkah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 2 hingga 3 Rabiul' Awwal 1441H bersamaan 30 hingga 31 Oktober 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahkan Amalan berhubung dengan mahkamah boleh membuat perintah terhadap penghutang penghakiman untuk membayar balik kepada Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) wang pendahuluan nafkah yang telah dibayar kepada pemiutang penghakiman dalam kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah.

Arahkan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.

(DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA



جائتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN & PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 5 (44)
Takwim : 25 Rabi'ul Akhir 1441H
Tarikh : 23 Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 2019

Garis Panduan Dan Format Penyediaan Penyata Keterangan Plaintiff, Defendan Dan Saksi Secara Bertulis

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 2 hingga 3 Rabiul' Awwal 1441H bersamaan 30 hingga 31 Oktober 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Garis Panduan Dan Format Penyediaan Penyata Keterangan Plaintiff, Defendan Dan Saksi Secara Bertulis, sebagai alternatif kepada keterangan lisan pihak-pihak sebagaimana ketetapan berikut:

1. bagi kes-kes yang melibatkan tuntutan atau saman selain kes permohonan, dengan kebenaran mahkamah, plaintiff, defendan dan saksi boleh menggunakan penyata keterangan secara bertulis sebagai alternatif kepada keterangan lisan semasa perbicaraan. Dokumen tersebut hendaklah disahkan semula/dibuat pengesahan dan ditandatangani di hadapan hakim bicara semasa keterangan pihak-pihak tersebut mula diambil di peringkat pemeriksaan utama;
2. hakim bicara hendaklah merekodkan dalam catatannya bahawa pihak-pihak bersetuju penyata keterangan plaintiff, defendan dan saksi secara bertulis tersebut diterima sebagai keterangan lisan pihak-pihak dan saksi berdasarkan Akta/Enakmen/Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah;

3. mana-mana perenggan di dalam penyata keterangan tersebut hendaklah di dalam format soalan dan jawapan serta boleh merujuk kepada dokumen di dalam Ikatan Dokumen (sekiranya ada) secara terperinci. Format penyata keterangan plaintif, defendan dan saksi secara bertulis adalah seperti di lampiran 1;
4. penyata keterangan hendaklah disediakan bersekali dengan Ikatan Dokumen plaintif/defendan (sekiranya ada) dengan menyertakan Indeks Kandungan Ikatan Dokumen berserta muka surat. Format Indeks Kandungan Ikatan Dokumen adalah sebagaimana di lampiran 2;
5. penyata keterangan yang belum ditandatangani berserta ikatan dokumen hendaklah diserahkan kepada pihak satu lagi selewat-lewatnya 5 hari sebelum hari perbicaraan, atau menurut tempoh yang ditentukan oleh mahkamah; dan
6. pihak-pihak boleh memberikan keterangan secara lisan sebagai tambahan kepada penyata keterangan plaintif, defendan dan saksi secara bertulis tersebut atau sebagai penjelasan kepada Ikatan Dokumen yang dikemukakan.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.



(DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

CONTOH FORMAT PENYATA KETERANGAN PLAINTIF/DEFENDAN/SAKSI SECARA BERTULIS

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI SYARIAH DI
DI NEGERI
SAMAN NO. : TAHUN

NAMA (NO. K/P:)	ANTARA	PLAINTIF
NAMA (NO. K/P:)	DENGAN	DEFENDAN

PENYATA KETERANGAN PLAINTIF/DEFENDAN/SAKSI

Nama :
No. K/P :
Alamat :

1. Soalan - Nyatakan nama, no. kad pengenalan dan alamat Tuan/Puan?
Jawapan - Nama saya,....., No. K/P :, beralamat di
(Salinan Kad Pengenalan dikemukakan, mohon diterima dan ditandakan sebagai "P-1")
2. Soalan - Apakah permohonan Puan?
Jawapan - Saya memohon hak penjagaan bagi dua (2) orang anak yang bernama (nyatakan).
(Salinan Sijil Kelahiran Anak-anak dikemukakan, mohon diterima dan ditandakan sebagai secara kolektif sebagai "P-2A" dan "P-2B")
3. Soalan - Akhir sekali, apa yang Puan ingin beritahu pada Mahkamah?
Jawapan - Saya mohon kepada Mahkamah yang mulia ini meluluskan tuntutan hadanah saya seperti yang dinyatakan di atas.

NAMA]
No. K/P :]
Tarikh :]

.....
Tandatangan Plaintiff/Defendan

.....
Tandatangan Hakim

Penyataan Keterangan Plaintiff/Defendan/Saksi ini difailkan oleh

CONTOH FORMAT INDEKS KANDUNGAN IKATAN DOKUMEN**INDEKS KANDUNGAN IKATAN DOKUMEN PLAINTIF/DEFENDAN**

BIL.	PERKARA	MUKASURAT	DITANDA SEBAGAI	DITANDA SEBAGAI
1.	Salinan Kad Pengenalan Plaintiff	1	P – 1	
2.	Salinan Sijil Perakuan Nikah/Cerai	2	P – 2	
3.	Salinan Sijil Kelahiran Anak-anak	3 – 4	P – 2 (A) P – 2 (B) Kolektif	
4.	Salinan Laporan Polis bertarikh....., No. Report :	5	P – 3	
5.	Laporan doktor (dokumen yang dipertikaikan)	6		ID - 4



جابتن كحاکيمن شرعية ملیسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN & PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 5 (45)
Takwim : 25 Rabi'ul Akhir 1441H
Tarikh : 23 Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN NO. 4 TAHUN 2019

Mahkamah Yang Berbidangkuasa Mendengar Dan Membicarakan Kes-Kes Permohonan Perkahwinan Bawah Umur

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 2 hingga 3 Rabiul' Awwal 1441H bersamaan 30 hingga 31 Oktober 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahkan Amalan berhubung dengan permohonan perkahwinan bawah umur hendaklah didengar dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah.

Arahkan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.

(DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA



جائتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 5 (46)
Takwim : 15 Rabi'ul Akhir 1441H
Tarikh : 13 Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN NO. 5 TAHUN 2019

Garis Panduan Skala Pentaksiran Jumlah Nafkah Anak

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 2 hingga 3 Rabiul' Awwal 1441H bersamaan 30 hingga 31 Oktober 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Garis Panduan Skala Pentaksiran Jumlah Nafkah Anak seperti yang berikut:

1. tertakluk kepada pertimbangan Mahkamah, pentaksiran jumlah nafkah anak adalah berasaskan kepada nafkah bulanan bagi seorang atau lebih bilangan anak. Sekiranya bilangan anak lebih, kadar akan meningkat bergantung kepada jumlah pendapatan bapa atau suami;
2. penentuan kadar nafkah tertakluk kepada keperluan asas anak-anak yang merangkumi keperluan tempat tinggal, pakaian, makan minum, perubatan, pendidikan, umur dan jumlah pendapatan bapa sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah; dan

3. cadangan ilustrasi pentaksiran jumlah nafkah adalah sebagaimana berikut:

Bil. Anak	Kadar (%)	(RM) 1000	(RM) 1500	(RM) 2000	(RM) 2500	(RM) 3000	(RM) 3500	(RM) 4000	(RM) 4500	(RM) 5000
1	23%	230	345	460	575	690	805	920	1035	1150
2	33%	330	495	660	825	990	1155	1320	1485	1650
3	40%	400	600	800	1000	1200	1400	1600	1800	2000
4 dan ke atas	53%	530	795	1060	1325	1590	1855	2120	2385	2650

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.



(DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA



جائتن كحاکيمن شرعية ملیسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 5 (47)
Takwim : 25 Rabi'ul Akhir 1441H
Tarikh : 23 Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 2019

Amalan Pengesahan Talaq Di Luar Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah Serta Penjelasan Keengganan Bersumpah (*Nukul*)

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 2 hingga 3 Rabiul' Awwal 1441H bersamaan 30 hingga 31 Oktober 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahkan Amalan berhubung dengan Amalan Pengesahan Talaq Di Luar Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah Serta Penjelasan Keengganan Bersumpah (*nukul*) seperti di lampiran.

2. Arahkan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahkan Amalan No. 2 Tahun 2006: Amalan Sumpah Mahkamah Syariah.
3. Arahkan Amalan No. 10 Tahun 2007: Amalan Pengesahan Talaq Di Luar Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah adalah dibatalkan.

Arahkan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.

(DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)

Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

**AMALAN PENGESAHAN TALAQ
DI LUAR DAN TANPA KEBENARAN MAHKAMAH SERTA PENJELASAN
KEENGGANAN BERSUMPAH (*NUKUL*)**

Ketua Hakim Syarie menetapkan Amalan Pengesahan Talaq Di Luar dan Tanpa Kebenaran Mahkamah seperti yang berikut:

1. Dalam arahan amalan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“*al-yamin al-mardudah*” ertinya sebagaimana tafsiran yang dibuat pada Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006;

“*nukul*” ertinya enggan bersumpah setelah diarahkan oleh Hakim;

“*nukul hakiki*” ertinya keenggan mudda’a alaih untuk bersumpah apabila diarah oleh Hakim dan keenggan tersebut dibuat secara lisan seperti dijawab “ Saya tidak mahu bersumpah”;

“*nukul hukmi*” ertinya keenggan mudda’a alaih untuk bersumpah apabila diarah oleh Hakim dan keenggan tersebut dibuat bukan secara lisan seperti berdiam diri ketika diarah bersumpah atau enggan hadir ke mahkamah;

“saksi” tidak termasuk pihak-pihak;

“sumpah” ertinya sebagaimana tafsiran yang dibuat pada Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006;

“*yamin al-istizhar*” ertinya sebagaimana tafsiran yang dibuat pada Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006;

“*yamin al-nafi*” ertinya sebagaimana tafsiran yang dibuat pada Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006.

2. Tertakluk kepada Hukum Syarak, mahkamah dalam mendengar dan memutuskan pengesahan talaq di luar dan tanpa kebenaran mahkamah hendaklah berpuas hati bahawa talaq itu telah memenuhi rukun-rukun talaq.

3. Mahkamah sebelum mengesahkan lafaz talaq, hendaklah terlebih dahulu menjalankan penyiasatan dan menentukannya melalui keterangan suami dan isteri yang telah memenuhi syarat-syarat talaq menurut Hukum Syarak seperti yang berikut—

(1) suami—

- (a) seorang suami yang sah kepada isteri yang diceraikan;
- (b) seorang yang baligh menurut Hukum Syarak;
- (c) seorang yang berakal; dan
- (d) melafazkan talaq dengan kerelaannya tanpa paksaan.

(2) isteri—

- (a) seorang isteri yang sah bagi suami tersebut atau masih di dalam *iddah raj'i*; atau
- (b) jika lebih daripada seorang isteri, hendaklah ditentukan isteri mana yang diceraikan itu.

4. Mahkamah dalam menentukan kesahan lafaz talaq itu, hendaklah memastikan kedua-dua pihak kepada perkahwinan hadir di hadapan mahkamah dan mahkamah hendaklah;

(1) memastikan penyampaian saman kepada suami atau isteri tertakluk kepada Akta/Enakmen/Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah; dan

(2) jika pihak yang disaman ialah suami, sesalinan Borang 1 Notis Amaran *Nukul* hendaklah disertakan bagi maksud penyampaian kepadanya.

5. Kehadiran suami di hadapan mahkamah—

(1) Mahkamah hendaklah memeriksa dan menyiasat sama ada suami mengaku atau menafikan dakwaan isterinya.

(2) Jika suami mengaku terhadap dakwaan isterinya dan mahkamah berpuashati dengan pengakuan tersebut, maka mahkamah hendaklah mensabitkan talaq itu; atau

(3) jika suami menafikan dakwaan itu—

(a) mahkamah hendaklah memerintahkan isteri mengemukakan dua (2) orang saksi lelaki bagi memberikan keterangan mengenai lafaz talaq; atau

(b) jika isteri tidak mengemukakan keterangan seperti di subperenggan (a) di atas, mahkamah hendaklah memberitahu isteri haknya untuk meminta daripada mahkamah untuk memerintahkan suami bersumpah *yamin al-nafi*.

(c) Sekiranya isteri enggan untuk meminta mahkamah memerintah suaminya bersumpah *yamin al-nafi*, mahkamah hendaklah menolak dakwaan pihak isteri.

(4) Tertakluk kepada subperenggan 5(3)(b)—

(a) jika suami melakukan *yamin al-nafi*, mahkamah hendaklah menolak dakwaan isteri; atau

(b) jika suami enggan secara lisan untuk melakukan *yamin al-nafi*, mahkamah hendaklah—

- (i) menghukumkan suami sebagai *nukul hakiki*; dan
 - (ii) menawarkan kepada isteri untuk bersumpah *al-yamin al-mardudah*.
- (c) jika suami enggan melakukan *yamin al-nafi* dengan berdiam diri, mahkamah hendaklah—
 - (i) menghukumkan suami sebagai *nukul hukmi*; dan
 - (ii) menawarkan kepada isteri untuk bersumpah *al-yamin al-mardudah*.
- (5) Tertakluk kepada subperenggan 5(4)(b)(ii) dan (c)(ii)—
 - (a) jika isteri bersumpah *al-yamin al-mardudah*, mahkamah hendaklah mensabitkan dakwaannya; atau
 - (b) jika isteri enggan bersumpah *al-yamin al-mardudah*, mahkamah hendaklah menolak dakwaannya.
- 6. Ketidak hadiran atau keingkaran hadir suami di hadapan mahkamah—
 - (1) Jika suami ingkar hadir setelah menerima saman dan notis amaran *nukul* sepertimana perenggan 4, mahkamah hendaklah—
 - (a) dalam hal keadaan isteri mempunyai dua (2) orang saksi lelaki atau lebih, mahkamah boleh mensabitkan dakwaan isteri selepas mendengar dan berpuashati dengan keterangan saksi-saksi dan *yamin al-istizhar* isteri; atau

(b) dalam hal keadaan isteri tidak mempunyai dua (2) orang saksi lelaki atau lebih, mahkamah hendaklah memberitahu isteri akan haknya yang boleh meminta mahkamah mengarahkan suami bersumpah *yamin al-nafi*—

(i) jika isteri meminta mahkamah mengarahkan suami bersumpah *yamin al-nafi*, mahkamah hendaklah mensabitkan suami itu sebagai *nukul hukmi* atas ketidak hadiran suami setelah Borang 1 Notis Amaran *Nukul* telah disampaikan kepadanya. Kemudian daripada itu, mahkamah hendaklah mengarahkan kepada isteri bersumpah *al-yamin al-mardudah*; atau

(ii) dalam hal keadaan isteri tidak mahu meminta mahkamah mengarahkan suami bersumpah *yamin al-nafi*, mahkamah hendaklah menolak dakwaan isteri.

(2) Tertakluk kepada subperenggan 6(1)(b)(i)—

(a) jika isteri bersumpah *al-yamin al-mardudah*, mahkamah hendaklah mensabitkan dakwaannya; atau

(b) jika isteri enggan bersumpah *al-yamin al-mardudah*, mahkamah hendaklah menolak dakwaannya.

7. Keadaan tempat di mana beradanya suami telah tidak diketahui.

(1) Tertakluk kepada perenggan 4 setelah mahkamah berpuashati bahawa suami tidak diketahui berada di mana, mahkamah hendaklah—

(a) dalam hal keadaan isteri mempunyai dua (2) orang saksi lelaki atau lebih, mahkamah boleh mensabitkan dakwaan isteri selepas mendengar dan berpuashati dengan keterangan saksi-saksi dan sumpah *yamin al-istizhar* isteri; atau

(b) dalam hal keadaan isteri tidak mempunyai dua (2) orang saksi lelaki, dakwaan isteri adalah ditolak.

8. Mahkamah hendaklah memastikan setiap sumpah atau keengganan bersumpah pihak-pihak di dalam arahan amalan ini adalah secara sukarela dan suci hati.

9. Mahkamah hendaklah mengendalikan amalan sumpah berpandukan kepada Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006: Amalan Sumpah Mahkamah Syariah.

Borang 1

Arahan Amalan No. 6 Tahun 2019

(Subperenggan 4(2))

DALAM MAHKAMAH.....
 DALAM NEGERI.....
 DALAM KES PENGESAHAN CERAI LUAR MAHKAMAH
 NO. KES (Mal) :.....

Plaintif (Nama)
 No. Kp.....

lawan

Defendan (nama)
 No. Kp.....

NOTIS AMARAN KEENGGANAN BERSUMPAH (*NUKUL*)

Kepada:

AMBIL PERHATIAN bahawa satu tuntutan/permohonan di bawah
 Akta/Enakmen/Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam berkenaan pengesahan cerai di
 luar Mahkamah telah difailkan terhadap kamu di Mahkamah
 oleh Plaintiff/Pemohon (nama)
 no. kad pengenalan/pasport,

AMBIL PERHATIAN bahawa kamu Defendan/Responden (nama)
 diperintahkan hadir pada tarikh jam pagi/petang di
 Mahkamah untuk menjawab dakwaan
 Plaintiff/Pemohon.

DAN AMBIL PERHATIAN SELANJUTNYA, bahawa jika kamu gagal hadir tanpa sebab yang munasabah di sisi Hukum Syarak, maka Mahkamah boleh mensabitkan kamu sebagai pihak yang enggan bersumpah (*nukul*).

MAHKAMAH SETELAH ITU, boleh membenarkan Plaintiff/Pemohon melafazkan *al-yamin al-mardudah* bagi mensabitkan dakwaannya terhadap kamu dan membuat apa-apa perintah/penghakiman tanpa kehadiran kamu.

Bertarikh pada haribulan20.....

(Meterai)

Hakim



جائتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 5 (48)
Takwim : 25 Rabi'ul Akhir 1441H
Tarikh : 23 Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN NO. 7 TAHUN 2019

Garis Panduan Perbicaraan Kes Mal Secara Inquisitorial Di Mahkamah Syariah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 2 hingga 3 Rabiul' Awwal 1441H bersamaan 30 hingga 31 Oktober 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahkan Amalan berhubung Garis Panduan Perbicaraan Kes Mal Secara Inquisitorial Di Mahkamah Syariah seperti di lampiran.

Arahkan Amalan ini memperkuat kuasa serta merta.


(DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

**GARIS PANDUAN
PERBICARAAN KES MAL SECARA INQUISITORIAL
DI MAHKAMAH SYARIAH**

Nama dan Pemakaian

1. (1) Garis Panduan ini dinamakan Garis Panduan Perbicaraan Kes Mal Secara Inquisitorial Mahkamah Syariah dan terpakai di Mahkamah Syariah negeri-negeri.

(2) Garis Panduan ini mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan melalui Pekeliling/Pemberitahuan Ketua Hakim Syarie.

Tafsiran

2. Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang berlainan—

“Garis Panduan ini” ertinya Garis Panduan Perbicaraan Kes Mal Secara Inquisitorial Mahkamah Syariah Negeri-negeri.

“Hakim” ertinya seseorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dilantik di bawah Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam, Enakmen Pentadbiran Agama Islam, Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, Enakmen Mahkamah Syariah atau Ordinan Mahkamah Syariah;

“inquisitorial” ertinya hakim terlibat secara aktif dalam penyiasatan fakta sesuatu kes pada mana-mana peringkat perbicaraan; dan

“undang-undang yang berkuatkuasa” ertinya Akta, Enakmen atau Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah dan Akta, Enakmen atau Ordinan Keterangan Mahkamah Syariah;

Kuasa Hakim

3. (1) Tiada apa-apa jua dalam Garis Panduan ini boleh disifatkan sebagai menghadkan atau menyentuh kuasa sedia ada hakim untuk membuat apa-apa perintah yang perlu untuk mengelakkan ketidakadilan atau mengelakkan penyalahgunaan proses mahkamah.

(2) Hakim boleh, untuk mengetahui atau mendapatkan bukti wajar mengenai fakta relevan, mengemukakan apa-apa soalan yang dikehendaki, dalam apa-apa bentuk, pada bila-bila masa, kepada mana-mana saksi atau pihak.

(3) Hakim boleh melaksanakan Garis Panduan ini dalam prosiding perbicaraan kes mal termasuklah—

- (a) perbicaraan sebelah pihak;
- (b) pihak-pihak tidak diwakili oleh peguam syarie; atau
- (c) kes yang tidak dibantah (*non contested cases*).

Garis Panduan Perbicaraan

4. (1) Tertakluk kepada subperenggan 3(3), apabila kes dibawa ke hadapan hakim dan hakim berpendapat bahawa perbicaraan secara inquisitorial adalah suai manfaat dijalankan, hakim boleh—

- (a) memberi arahan tentang pihak yang akan memulakan dan susunan ucapan pada perbicaraan itu;
- (b) mengemukakan pertanyaan pada pendapatnya kepada mana-mana pihak dan pada bila-bila masa yang bersesuaian, sama ada plaintif/pemohon atau defendan/responden tanpa mengikut susunan;

- (c) memanggil mana-mana orang sebagai saksi, atau memeriksa mana-mana orang yang hadir walaupun dia tidak dipanggil sebagai saksi, atau memanggil dan memeriksa semula, mana-mana orang yang telah diperiksa pada mana-mana peringkat perbicaraan atau prosiding;
- (d) mengarahkan pihak-pihak mengemukakan afidavit tambahan atau apa-apa dokumen atau jika perlu, membenarkan secara lisan permohonan interlokutori semasa prosiding perbicaraan;
- (e) membenarkan keterangan dan pemeriksaan pihak-pihak atau/dan saksi dijalankan secara bertulis; dan
- (f) tertakluk kepada budibicara hakim untuk menghadkan setakat mana soalan yang boleh dibenarkan untuk pemeriksaan, pihak-pihak dibenarkan untuk pemeriksaan balas keterangan utama mana-mana pihak atau/dan saksi.

(2) Bagi maksud penerimaan atau/dan pengenalpastian sesuatu dokumen atau ekshibit, seksyen 125¹ Akta/Enakmen/Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah hendaklah diikuti.

(3) Sekiranya pihak-pihak atau salah satu pihak diwakili peguam syarie, hakim boleh membenarkan peguam syarie mendapatkan keterangan utama daripada anakguam atau/dan saksinya. Setelah selesai, hakim boleh mengemukakan apa-apa soalan yang difikirkan perlu terhadap pihak-pihak atau/dan saksi dan kemudiannya pihak-pihak atau peguam syarie boleh memeriksa balas atau memeriksa semula. Di peringkat akhir keterangan, hakim boleh mengemukakan soalan yang difikirkan perlu

¹ (1) Dokumen atau ekshibit lain yang dikemukakan sebagai keterangan dan diterima hendaklah ditanda dan, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, dokumen atau ekshibit itu atau salinan dokumen atau ekshibit itu hendaklah disimpan di dalam Mahkamah sementara menanti prosiding itu berakhir dan sehingga habis tempoh masa untuk rayuan.

(2) Bagi maksud pengenalpastian, hendaklah juga ditanda sesuatu dokumen atau ekshibit lain yang dikemukakan sebagai keterangan tetapi telah ditolak.

terhadap pihak-pihak atau/dan saksi, dan pada peringkat ini pihak-pihak tidak boleh diperiksa balas atau diperiksa semula, kecuali setelah mendapat kebenaran hakim.

(3) Setelah semua keterangan pihak-pihak selesai, walaupun tanpa penghujahan bertulis pihak-pihak, hakim boleh membuat keputusan, perintah atau penghakiman.

Kekecualian

5. (1) Dalam apa-apa keadaan pun, selain daripada Garis Panduan ini, jika tidak ada apa-apa garis panduan yang ditetapkan, hakim hendaklah mengikut undang-undang yang berkuatkuasa.

(2) Mana-mana peruntukan atau tafsiran di bawah Garis Panduan ini yang tidak konsisten dengan hukum syarak adalah terbatal setakat yang ia tidak konsisten itu.

(3) Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Garis Panduan ini, hakim hendaklah memakai hukum syarak.



جايتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 5 (49)
Takwim : 25 Rabi'ul Akhir 1441H
Tarikh : 23 Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN NO. 8 TAHUN 2019

Penerimaan Dokumen Pengesahan Mastautin Sebagai Bukti Permastautinan

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arah Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 2 hingga 3 Rabiul' Awwal 1441H bersamaan 30 hingga 31 Oktober 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arah Amalan berhubung Penerimaan Dokumen Pengesahan Mastautin Sebagai Bukti Permastautinan seseorang di bawah seksyen 4 Akta/Enakmen/Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri seperti yang berikut:

1. penentuan tempoh masa bermastautin seseorang hendaklah diperakukan oleh Imam Kariah/Pegawai Masjid melalui dokumen pengesahan mastautin berdasarkan peraturan/garis panduan/pekeliling yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama negeri-negeri;
2. dokumen pengesahan mastautin tersebut hendaklah diterima tanpa prejudis oleh Pendaftar Mahkamah sebagai bukti permastautinan Pemohon/Plaintif untuk memfailkan sesuatu kes; dan

3. dokumen pengesahan mastautin tersebut boleh dicabar/dibantah oleh mana-mana pihak yang berhasrat untuk berbuat demikian semasa prosiding kes di hadapan hakim bicara.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.



(DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)

Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA



جائتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN & PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 5 (50)
Takwim : 25 Rabi'ul Akhir 1441H
Tarikh : 23 Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN NO. 9 TAHUN 2019

Proses Kerja Permohonan Semakan Di Mahkamah Tinggi Syariah Dan Mahkamah Rayuan Syariah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 2 hingga 3 Rabiul' Awwal 1441H bersamaan 30 hingga 31 Oktober 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahkan Amalan berhubung Proses Kerja Permohonan Semakan Di Mahkamah Tinggi Syariah Dan Mahkamah Rayuan Syariah seperti di lampiran.

2. Tertakluk kepada keadaan-keadaan tertentu, jangka masa penyelesaian permohonan semakan yang difailkan hendaklah diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh didaftarkan dengan lengkap di mana-mana mahkamah yang berbidangkuasa.

3. Arahkan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahkan Amalan No. 6 Tahun 2018: Pemakluman Keputusan/Perintah Bagi Kes-Kes Rayuan dan Permohonan Semakan Bagi Kes Yang Telah Diputuskan, Arahkan Amalan No. 7 Tahun 2014: Peraturan Semakan Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Atau Di Mahkamah Rayuan Syariah dan Arahkan Amalan No. 5 Tahun 2004: Kehadiran Pihak-Pihak Dan Wakil Semasa Prosiding Semakan Kes Mal.

4. Arahan Amalan No. 3 Tahun 2007: Tatacara Pemohonan Semakan Kes Oleh Hakim adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.



(DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

KATEGORI 1

PROSES KERJA

PERMOHONAN SEMAKAN OLEH KETUA HAKIM SYARIE/MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH KE ATAS KEPUTUSAN/PERINTAH MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

1. Singkatan

BIL.	SINGKATAN	KATA NAMA PENUH
1.	KHS	Ketua Hakim Syarie
2.	MRyS	Mahkamah Rayuan Syariah
3.	KPMRyS	Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah
4.	HMTS	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
5.	PMTS	Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah

2. Proses Kerja

BIL.	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	AKTIVITI	PROSES	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG/ AUTORITI
1.	KETUA HAKIM SYARIE (KHS)	MEMULAKAN PERMOHONAN	1. Mengisi Borang 1 bagi tujuan pendaftaran. 2. Mengisi Borang 2 untuk mengeluarkan perintah memanggil Rekod Prosiding dan menggantung prosiding (jika prosiding masih berjalan); dan 3. Menyampaikan Borang 1 & Borang 2 kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah (KPMRyS).	
2.	KPMRyS	MENDAFTARKAN PERMOHONAN SEMAKAN	4. Membuka fail semakan secara fizikal, mencatat nombor pendaftaran semakan di fail dan membuat urusan pendaftaran di E-Syariah.	
3.	KHS	MELANTIK PANEL	5. Melantik Panel Mahkamah Rayuan Syariah (MRyS)	

PRA PERBICARAAN & PERBICARAAN
KATEGORI 1; Permohonan Semakan Oleh
Ketua Hakim Syarie/Mahkamah Rayuan Syariah
Ke Atas Keputusan/Perintah Mahkamah Tinggi Syariah

BIL.	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	AKTIVITI	PROSES	PERUNTUKAN UNDANG- UNDANG/ AUTORITI
		RAYUAN SYARIAH		
4.	KPMRyS	MENYERAHKAN BORANG 2 KEPADA PENDAFTAR MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (PMTS)	6. Menyerahkan Borang 2 (Perintah Memanggil Rekod Prosiding dan Perintah Penggantungan Prosiding) (jika perlu) kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah (PMTS).	
5.	PMTS	PENYEDIAAN REKOD PROSIDING	7. Menyediakan dan menyerahkan Rekod Prosiding kepada KPMRyS.	
6.	PMTS	MAKLUMAN PENGANTUNGAN PROSIDING YANG SEDANG BERJALAN	8. Maklumkan kepada pihak-pihak berkenaan prosiding semakan telah bermula dan prosiding yang sedang berjalan digantung sehingga keputusan semakan sama ada melalui Borang 2 atau ketika prosiding berjalan, mana-mana yang terdahulu.	
7.	KPMRyS	SERAHAN REKOD PROSIDING & FAIL SEMAKAN KEPADA PANEL MRyS	9. Menyerahkan rekod prosiding dan fail semakan kepada Panel MRyS.	
8.	Panel MRyS	PROSIDING SEMAKAN DALAM KAMAR	PROSIDING SEMAKAN BERMULA 10. Melaksanakan prosiding semakan; dan 11. semasa prosiding semakan, pihak-pihak tidak perlu dipanggil kecuali jika diperlukan sahaja.	Seksyen 171 Akta Tatacara Jenayah (Akta 560): Mendengar pihak-pihak semasa penyemakan Arahan Amalan no. 5/2004: Kehadiran Pihak - Pihak dan Wakil Semasa Prosiding Semakan Kes Mal


PRA PERBICARAAN & PERBICARAAN
KATEGORI 1; Permohonan Semakan Oleh
Ketua Hakim Syarie/Mahkamah Rayuan Syariah
Ke Atas Keputusan/Perintah Mahkamah Tinggi Syariah


BIL.	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	AKTIVITI	PROSES	PERUNTUKAN UNDANG- UNDANG/ AUTORITI
9.	Panel MRyS	KEPUTUSAN/ PERINTAH SEMAKAN	12. KES MAL; Keputusan semakan samada diterima, ditolak, atau apa-apa perintah yang wajar, alasan penghakiman secara bertulis hendaklah disediakan; dan 13. KES JENAYAH; Hanya keputusan semakan yang mengubah apa-apa keputusan kes yang disemak, alasan penghakiman bertulis hendaklah disediakan.	Arahan Amalan no. 6/2001: Alasan Penghakiman Seksyen 172 Akta Tatacara Jenayah (Akta 560): Perintah apabila kes disemak
10.	KPMRyS	PENGELUARAN PERINTAH/ KEPUTUSAN	14. Perintah keputusan semakan tersebut hendaklah disampaikan kepada PMTS/HMTS, pihak-pihak bertikai dan/atau pihak berkepentingan dalam tempoh 7 hari selepas keputusan dikeluarkan.	Arahan Amalan no. 6/2018: Pemakluman Keputusan/Perintah Kes - Kes Rayuan Dan Permohonan Semakan Bagi Kes yang Telah Diputuskan.
11.	KPMRyS	MENGEMBALIKAN REKOD PROSIDING	15. Mengembalikan rekod prosiding kepada PMTS.	
12.	HMTS/PMTS	LAKSANAKAN PERINTAH/ KEPUTUSAN SEMAKAN	16. Melaksanakan apa-apa perintah/keputusan semakan jika ada.	
13.	KPMRyS/PMTS	KEMASKINI REKOD E- SYARIAH	17. Mengemaskini rekod kes di dalam E-Syariah.	
SELESAI				

KATEGORI 1

CARTA ALIR

PERMOHONAN SEMAKAN OLEH KETUA HAKIM SYARIE/MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH KE ATAS KEPUTUSAN/PERINTAH MAHKAMAH TINGGI SYARIAH





(Kategori 1)

BORANG 1

DALAM KAMAR KETUA HAKIM SYARIE/PENGERUSI MAHKAMAH RAYUAN
SYARIAH
NEGERI _____

MEMO MEMULAKAN PROSIDING SEMAKAN
(*Arahan Amalan No. 9 Tahun 2019*)

Ketua Pendaftar
Mahkamah Rayuan Syariah Negeri _____

PANEL HAKIM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH bercadang untuk memulakan prosiding semakan ke atas kes berikut;

1. Kes mal/jenayah no.: _____

2. Mahkamah Tinggi Syariah Daerah/Dewan: _____

dengan alasan sebagaimana berikut:

2. Pihak tuan/puan diminta untuk memulakan tindakan selanjutnya sebagaimana arahan ini.

t.t.
(Ketua Hakim Syarie)

(Kategori 1)

BORANG 2

DALAM KAMAR KETUA HAKIM SYARIE/PENGERUSI MAHKAMAH RAYUAN
SYARIAH
NEGERI _____

PERINTAH MEMANGGIL REKOD PROSIDING DAN/ATAU
MENGGANTUNG PROSIDING
(Arahan Amalan No. 9 Tahun 2019)

Ketua Pendaftar
Mahkamah Rayuan Syariah Negeri _____

SETELAH MENELITI alasan-alasan yang diberikan, rekod prosiding kes mal/jenayah
no. _____ dipanggil bagi tujuan semakan.

DIPERINTAHKAN kes mal/jenayah no. _____ dan
prosiding yang sedang berjalan berkaitan dengan kes tersebut hendaklah digantung
sehingga prosiding semakan selesai.

t.t.
(Ketua Hakim Syarie)

S.k : Plaintif/Pemohon/Peguam Syarie
 Defendan/Responden/Peguam Syarie

KATEGORI 2

PROSES KERJA

PERMOHONAN SEMAKAN OLEH HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH KE ATAS KEPUTUSAN/PERINTAH MAHKAMAH RENDAH SYARIAH

1. Singkatan

BIL.	SINGKATAN	KATA NAMA PENUH
1.	HMTS	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
2.	PMTS	Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
3.	HMRS	Hakim Mahkamah Rendah Syariah
4.	PMRS	Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah

2. Proses Kerja

BIL.	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	AKTIVITI	PROSES	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG/AUTORITI
1.	HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (HMTS)	MEMULAKAN PERMOHONAN	1. Mengisi Borang 3 bagi tujuan pendaftaran; 2. mengisi Borang 4 untuk mengeluarkan perintah memanggil rekod prosiding dan menggantung prosiding (jika prosiding masih berjalan); dan 3. menyampaikan Borang 3 & Borang 4 kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah (PMTS).	
2.	PMTS	MENDAFTARKAN PERMOHONAN SEMAKAN	4. Membuka fail semakan secara fizikal, mencatat nombor pendaftaran semakan di fail dan membuat urusan pendaftaran di E-Syariah.	
3.	PMTS	MENYERAHKAN FAIL FIZIKAL SEMAKAN	5. Menyerahkan fail semakan (fizikal) kepada HMTS.	

PRA PERBICARAAN & PERBICARAAN
KATEGORI 2; Permohonan Semakan
Oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Ke Atas
Keputusan/Perintah Mahkamah Rendah Syariah

BIL.	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	AKTIVITI	PROSES	PERUNTUKAN UNDANG- UNDANG/ AUTORITI
4.	PMTS	MENYERAHKAN BORANG 4 KEPADA PMRS	6. Menyerahkan Borang 4 (Perintah memanggil Rekod Prosiding dan Perintah penggantungan prosiding) (jika perlu) kepada Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah (PMRS).	
5.	PMRS	PENYEDIAAN REKOD PROSIDING	7. Menyediakan dan menyerahkan rekod prosiding kepada PMTS;	
6.	PMRS	MAKLUMAN PENGANTUNGAN PROSIDING YANG SEDANG BERJALAN	8. Maklumkan kepada pihak-pihak berkenaan prosiding semakan telah bermula dan prosiding yang sedang berjalan digantung sehingga keputusan semakan samada melalui notis (Borang 4) atau ketika prosiding berjalan, mana yang terdahulu.	
6.	PMTS	SERAHAN REKOD PROSIDING KEPADA HMTS	9. Menyerahkan rekod prosiding kepada HMTS.	
7.	HMTS	PROSIDING SEMAKAN DALAM KAMAR	PROSIDING SEMAKAN BERMULA 10. Melaksanakan prosiding semakan; dan 11. Semasa prosiding semakan, pihak-pihak tidak perlu dipanggil kecuali jika diperlukan sahaja;	Seksyen 171 Akta Tatacara Jenayah (Akta 560): Mendengar pihak- pihak semasa penyemakan Arahan Amalan no. 5/2004: Kehadiran Pihak - Pihak dan Wakil Semasa Prosiding Semakan Kes Mal


PRA PERBICARAAN & PERBICARAAN
KATEGORI 2; Permohonan Semakan
Oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Ke Atas
Keputusan/Perintah Mahkamah Rendah Syariah

BIL.	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	AKTIVITI	PROSES	PERUNTUKAN UNDANG- UNDANG/ AUTORITI
8.	HMTS	KEPUTUSAN/ PERINTAH SEMAKAN	12. KES MAL; Keputusan semakan samada diterima, ditolak, atau apa-apa perintah yang wajar, alasan penghakiman secara bertulis hendaklah disediakan; dan 13. KES JENAYAH; Hanya keputusan semakan yang mengubah apa-apa keputusan kes yang disemak, alasan penghakiman secara bertulis hendaklah disediakan.	Arahan Amalan no. 6/2001: Alasan Penghakiman Seksyen 172 Akta Tatacara Jenayah (Akta 560): Perintah apabila kes disemak
8.	PMTS	PENGELUARAN PERINTAH/ KEPUTUSAN	14. Perintah keputusan semakan tersebut hendaklah disampaikan kepada PMRS/HMRS, pihak-pihak bertikai dan/atau pihak berkepentingan di dalam tempoh 7 hari selepas keputusan dikeluarkan.	Arahan Amalan no. 6/2018: Pemakluman Keputusan/ Perintah Kes-Kes Rayuan Dan Permohonan Semakan Bagi Kes Yang Telah Diputuskan
9.	PMTS	MENGEMBALIKAN REKOD PROSIDING	15. Mengembalikan rekod prosiding kepada PMRS.	
10.	HMRS/PMRS	LAKSANAKAN PERINTAH/ KEPUTUSAN SEMAKAN	16. Melaksanakan apa-apa perintah/keputusan Semakan jika ada.	
11.	PMRS/PMTS	KEMASKINI REKOD E- SYARIAH	17. Mengemaskini rekod kes di dalam E-Syariah.	
SELESAI				


KATEGORI 2

CARTA ALIR

PERMOHONAN SEMAKAN OLEH HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH KE ATAS KEPUTUSAN/PERINTAH MAHKAMAH RENDAH SYARIAH



PRA PERBICARAAN & PERBICARAAN
KATEGORI 2; Permohonan Semakan
Oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Ke Atas
Keputusan/Perintah Mahkamah Rendah Syariah



(Kategori 2)

BORANG 3

DALAM KAMAR HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
NEGERI _____

MEMO MEMULAKAN PROSIDING SEMAKAN
(*Arahan Amalan No.9 Tahun 2019*)

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Syariah Daerah/Dewan _____ Negeri _____

MAHKAMAH INI bercadang untuk memulakan prosiding semakan ke atas kes berikut;

1. Kes mal/jenayah no.: _____

2. Nama Dewan Mahkamah: _____

dengan alasan sebagaimana berikut:

2. Pihak tuan/puan diminta untuk memulakan tindakan selanjutnya sebagaimana arahan ini.

t.t.
(Hakim)

(Kategori 2)

BORANG 4

DALAM KAMAR HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
NEGERI _____

PERINTAH MEMANGGIL REKOD PROSIDING DAN/ATAU
MENGGANTUNG PROSIDING

(Arahan Amalan No.9 Tahun 2019)

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Syariah Daerah/Dewan _____ Negeri _____

SETELAH MAHKAMAH MENELITI alasan-alasan yang diberikan, rekod prosiding
kes mal/jenayah no. _____ dipanggil bagi tujuan
semakan.

MAHKAMAH PERINTAHKAN kes mal/jenayah no.
_____ dan prosiding yang sedang berjalan
berkaitan dengan kes tersebut hendaklah digantung sehingga prosiding semakan
selesai.

t.t.
(Hakim)

S.k : Plaintiff/Pemohon/Peguam Syarie
Defendan/Responden/Peguam Syarie

KATEGORI 3

PROSES KERJA PERMOHONAN SEMAKAN OLEH HAKIM BICARA TERHADAP KEPUTUSAN/PERINTAHNYA SENDIRI

1. Singkatan

BIL.	SINGKATAN	KATA NAMA PENUH
1.	KHS	Ketua Hakim Syarie
2.	MRyS	Mahkamah Rayuan Syariah
3.	KPMRyS	Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah
4.	HBMTS/HMTS	Hakim Bicara Mahkamah Tinggi Syariah
5.	PMTS	Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
6.	HBMRS/HMRS	Hakim Bicara Mahkamah Rendah Syariah
7.	PMRS	Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah

2. Proses Kerja

BIL	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	AKTIVITI	PROSES	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG/AUTORITI
1.	HAKIM BICARA (HB)	MEMULAKAN PERMOHONAN	1. Mengisi Borang 5 bagi tujuan pendaftaran; 2. mengisi Borang 6 Memo Menyerahkan Rekod Prosiding; dan 3. mengisi Borang 7 Memo Menangguhkan Prosiding (jika prosiding masih berjalan); dan 4. menyampaikan Borang 5, Borang 6 beserta rekod prosiding & Borang 7 kepada PMRS (jika Hakim Bicara ialah HMRS) atau kepada PMTS (jika Hakim Bicara HMTS).	

PRA PERBICARAAN & PERBICARAAN
KATEGORI 3; Permohonan Semakan Oleh Hakim Bicara
Terhadap Keputusan/Perintahnya Sendiri

BIL	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	AKTIVITI	PROSES	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG/ AUTORITI
2.	PMRS/PMTS	MENDAFTARKAN PERMOHONAN SEMAKAN	5. Membuka fail semakan secara fizikal, mencatat nombor pendaftaran semakan di fail dan membuat urusan pendaftaran di E-Syariah.	
3.	KHS	MELANTIK HMTS/PANEL MRyS	6. Melantik HMTS/Panel Mahkamah Rayuan Syariah (MRyS)	
4.	PMRS/PMTS	MENYERAHKAN FAIL SEMAKAN & BORANG 6 KEPADA PENDAFTAR MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (PMTS)	7. Menyerahkan fail semakan & Borang 6 beserta rekod prosiding kepada PMTS @ KPMRyS (PMRS serah kepada PMTS @ PMTS serah kepada KPMRyS)	
5.	PMRS/PMTS	MAKLUMAN PENGGANTUNGAN PROSIDING YANG SEDANG BERJALAN	8. Maklumkan kepada pihak-pihak berkenaan prosiding semakan telah bermula dan prosiding yang sedang berjalan digantung sehingga keputusan semakan sama ada melalui Borang 7 atau ketika prosiding berjalan, mana-mana yang terdahulu.	
6.	PMTS/KPMRyS	SERAHAN REKOD PROSIDING & FAIL SEMAKAN KEPADA HMTS/ PANEL MRyS	9. Menyerahkan rekod prosiding dan fail semakan kepada HMTS/Panel MRyS.	
7.	HMTS/Panel MRyS	PROSIDING SEMAKAN DALAM KAMAR	PROSIDING SEMAKAN BERMULA 10. Melaksanakan prosiding semakan; dan 11. semasa prosiding semakan, pihak-pihak tidak perlu dipanggil kecuali jika diperlukan sahaja.	Seksyen 171 Akta Tatacara Jenayah (Akta 560): Mendengar pihak-pihak semasa penyemakan Arahan Amalan no. 5/2004: Kehadiran Pihak - Pihak dan Wakil Semasa Prosiding Semakan Kes Mal
8.	HMTS/Panel MRyS	KEPUTUSAN/ PERINTAH SEMAKAN	12. KES MAL; Keputusan semakan sama ada diterima, ditolak, atau apa-apa perintah yang wajar,	Arahan Amalan no. 6/2001: Alasan


PRA PERBICARAAN & PERBICARAAN
KATEGORI 3; Permohonan Semakan Oleh Hakim Bicara
Terhadap Keputusan/Perintahnya Sendiri

BIL	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	AKTIVITI	PROSES	PERUNTUKAN UNDANG- UNDANG/ AUTORITI
			alasan penghakiman secara bertulis hendaklah disediakan; dan 13. KES JENAYAH; Hanya keputusan semakan yang mengubah apa-apa keputusan kes yang disemak, penghakiman secara bertulis hendaklah disediakan.	Penghakiman Seksyen 172 Akta Tatacara Jenayah (Akta 560): Perintah apabila kes disemak
9.	PMTS/KPMRyS	PENGELUARAN PERINTAH/KEPUTUSAN	14. Perintah keputusan semakan tersebut hendaklah disampaikan kepada PMRS/HMRS @ PMTS/HMTS, pihak-pihak bertikai dan/atau pihak berkepentingan di dalam tempoh 7 hari selepas keputusan dikeluarkan.	Arahan Amalan no. 6/2018: Pemakluman Keputusan/ Perintah Kes-Kes Rayuan Dan Permohonan Semakan Bagi Kes Yang Telah Diputuskan
10.	PMTS/KPMRyS	MENGEMBALIKAN REKOD PROSIDING	15. Mengembalikan rekod prosiding kepada PMRS/PMTS.	
11.	HMRS/PMRS@HMTS/PMTS	LAKSANAKAN PERINTAH/KEPUTUSAN SEMAKAN	16. Melaksanakan apa-apa perintah/keputusan semakan jika ada.	
12.	KPMRyS/PMTS/PMRS	KEMASKINI REKOD E-SYARIAH	17. Mengemaskini rekod kes di dalam E-Syariah.	
SELESAI				


KATEGORI 3

CARTA ALIR

PERMOHONAN SEMAKAN OLEH HAKIM BICARA TERHADAP KEPUTUSAN/PERINTAHNYA SENDIRI



PRA PERBICARAAN & PERBICARAAN
KATEGORI 3; Permohonan Semakan Oleh Hakim Bicara
Terhadap Keputusan/Perintahnya Sendiri



(Kategori 3)

BORANG 5

DALAM KAMAR HAKIM BICARA
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH/MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
NEGERI _____

MEMO MEMULAKAN PROSIDING SEMAKAN
(Arahan Amalan No. 9 Tahun 2019)

Pendaftar
Mahkamah Rendah/Tinggi Syariah Negeri _____

HAKIM BICARA MAHKAMAH RENDAH SYARIAH/MAHKAMAH TINGGI
SYARIAH bercadang untuk memulakan prosiding semakan ke atas kes berikut;

1. Kes mal/jenayah no.: _____

2. Mahkamah Rendah/Tinggi Syariah Daerah/Dewan: _____

dengan alasan sebagaimana berikut:

2. Pihak tuan/puan diminta untuk menyediakan Rekod Prosiding kes tersebut dan memulakan tindakan selanjutnya sebagaimana arahan ini.

t.t.
(Hakim Syarie (Hakim Bicara))

(Kategori 3)

BORANG 6

DALAM KAMAR HAKIM BICARA
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH/MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
NEGERI _____

MEMO MENYERAHKAN REKOD PROSIDING
(Arahan Amalan No. 9 Tahun 2019)

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Syariah Negeri _____

Ketua Pendaftar
Mahkamah Rayuan Syariah Negeri _____

BERDASARKAN alasan-alasan yang diberikan, rekod prosiding kes mal/jenayah no.
_____ dipanjangkan kepada pihak tuan bagi tujuan semakan.

t.t.
(Hakim Syarie (Hakim Bicara))

(Kategori 3)

BORANG 7

DALAM KAMAR HAKIM BICARA
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH/MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
NEGERI _____

MEMO MENANGGUHKAN PROSIDING
(Arahan Amalan No. 9 Tahun 2019)

Plaintif/Defendan/Pemohon/Responden _____

ATAS PERMINTAAN Hakim Bicara kes mal/jenayah no.
_____, Rekod Prosiding kes mal/jenayah tersebut telah
dipanjangkan kepada mahkamah atasan bagi tujuan semakan.

SILA AMBIL MAKLUM prosiding yang sedang berjalan berkaitan dengan kes tersebut
ditangguhkan sehingga prosiding semakan selesai.

t.t.
(Hakim Syarie (Hakim Bicara))

KATEGORI 4

PROSES KERJA PERMOHONAN SEMAKAN OLEH PIHAK-PIHAK/PIHAK YANG BERKEPENTINGAN

1. Singkatan

BIL.	SINGKATAN	KATA NAMA PENUH
1.	PMYMP	Pendaftar Mahkamah Yang Membuat Penyemakan
2.	HYMP	Hakim Yang Membuat Penyemakan
3.	PMYD	Pendaftar Mahkamah Yang Disemak
4.	HMYD	Hakim Mahkamah Yang Disemak

2. Proses Kerja

BIL	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	AKTIVITI	PROSES	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG/AUTORITI
1.	PENDAFTAR MAHKAMAH YANG MEMBUAT PENYEMAKAN (PMYMP)	TERIMA PERMOHONAN	1. Menerima permohonan semakan oleh Plaintiff/Defendan/Pemohon/Responden atau pihak-pihak berkepentingan melalui notis permohonan dan afidavit (5 salinan jika semakan dibuat di Mahkamah Tinggi Syariah atau 7 salinan di Mahkamah Rayuan Syariah) dan kebenaran lanjut tempoh memfailkan permohonan semakan (jika berkaitan)	Subseksyen 51(1) & 53(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Akta 503): Bidangkuasa penyemakan & Pengawasan Mahkamah Tinggi Syariah & Mahkamah Rayuan Syariah
			2. Pihak yang membuat permohonan semakan dan mahkamah yang menerima notis/afidavit tidak perlu untuk menyampaikan notis permohonan/afidavit dan notis kehadiran kepada pihak responden atau lain-lain pihak yang berkaitan.	

PRA PERBICARAAN & PERBICARAAN
KATEGORI 4; Permohonan Semakan Oleh
Pihak-Pihak/Pihak Yang Berkepentingan

BIL	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	AKTIVITI	PROSES	PERUNTUKAN UNDANG- UNDANG/ AUTORITI
			3. Memastikan permohonan difailkan dalam tempoh 30 hari selepas perintah/keputusan dikeluarkan.	Arahan Amalan No. 7/2014: Peraturan Semakan Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Atau Di Mahkamah Rayuan Syariah
			4. Jika tempoh melebihi 30 hari, arahkan pemohon memfailkan permohonan melanjutkan tempoh memfailkan permohonan semakan di mahkamah yang membuat penyemakan.	
2.	PMYMP	MENDAFTARKAN PERMOHONAN SEMAKAN	5. Membuka fail semakan secara fizikal yang mengandungi notis permohonan & affidavit pemohon, mencatat nombor pendaftaran semakan di fail dan membuat urusan pendaftaran di E-Syariah.	
3.	KHS	MELANTIK HAKIM YANG MEMBUAT SEMAKAN/ PANEL RAYUAN SYARIAH	6. Melantik Hakim Yang Membuat Penyemakan/Panel Mahkamah Rayuan Syariah (MRyS)	
4.	PMYMP	SERAHAN FAIL SEMAKAN	7. Menyerahkan fail semakan yang mengandungi notis permohonan dan affidavit kepada Hakim Yang Membuat Penyemakan (HYMP)	
5.	HYMP	HAKIM MENELITI NOTIS PERMOHONAN DAN AFIDAVIT	8. Meneliti notis permohonan dan affidavit sama ada rekod prosiding wajar dipanggil atau tidak.	
PROSES KERJA BAGI REKOD PROSIDING YANG TIDAK DIPANGGIL				
6.	HYMP	PROSIDING SEMAKAN DALAM KAMAR	PROSIDING SEMAKAN BERMULA 9. Jika HYMP berpendapat suatu perintah atau keputusan boleh diputuskan tanpa memanggil rekod bicara, HYMP boleh membuat	

PRA PERBICARAAN & PERBICARAAN
KATEGORI 4; Permohonan Semakan Oleh
Pihak-Pihak/Pihak Yang Berkepentingan

BIL	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	AKTIVITI	PROSES	PERUNTUKA N UNDANG- UNDANG/ AUTORITI
			demikian dengan mengeluarkan suatu perintah atau keputusan.	
			10. HYMP tidak perlu memanggil pihak-pihak di dalam prosiding semakan kecuali jika diperlukan sahaja.	Seksyen 171 Akta Tatacara Jenayah (Akta 560): Mendengar pihak-pihak semasa penyemakan Arahan Amalan no. 5/2004: Kehadiran Pihak - Pihak dan Wakil Semasa Prosiding Semakan Kes Mal
			SILA RUJUK & SAMBUNG PROSES KERJA NO. 18 UNTUK PROSES SELANJUTNYA HINGGA TAMAT	
PROSES KERJA BAGI REKOD PROSIDING YANG DIPANGGIL				
7.	HYMP	MENYERAHKAN BORANG 8 KEPADA PENDAFTAR MAHKAMAH YANG DISEMAK (PMYD)	11. HYMP menyerahkan Borang 8 (Perintah memanggil Rekod Prosiding) & perintah menggantung prosiding kepada PMYMP	
8.	PMYMP	PENYERAHAN BORANG 8 KEPADA PMYD	12. PMYMP atas arahan HYMP hendaklah seberapa segera selewat-lewatnya 14 hari setelah menerima Borang 8 daripada HMYMP memaklumkan dan menyampaikan Borang 8 kepada PMYD.	Subseksyen 51(2), 53(2) Akta 303: Bidangkuasa penyemakan & Pengawasan Mahkamah


PRA PERBICARAAN & PERBICARAAN
KATEGORI 4; Permohonan Semakan Oleh
Pihak-Pihak/Pihak Yang Berkepentingan

BIL	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	AKTIVITI	PROSES	PERUNTUKA N UNDANG- UNDANG/ AUTORITI
				Tinggi Syariah & Mahkamah Rayuan Syariah
9.	PMYD	PENYEDIAAN REKOD PROSIDING	13. Menyediakan dan menyerahkan rekod prosiding kepada PMYMP	
10.	PMYMP	SERAHAN REKOD PROSIDING & FAIL SEMAKAN KEPADA HYMP	14. Menyerahkan rekod prosiding dan fail semakan kepada HYMP	
11.	PMYD/HMYD	MAKLUMAN PENGANTUNGA N PROSIDING YANG SEDANG BERJALAN	15. Maklumkan kepada pihak-pihak berkenaan prosiding semakan telah bermula dan prosiding yang sedang berjalan digantung sehingga keputusan semakan samada melalui notis (Borang 8) atau ketika prosiding berjalan, mana-mana yang terdahulu.	
12.	HYMP	PROSIDING SEMAKAN DALAM KAMAR	PROSIDING SEMAKAN BERMULA 16. Melaksanakan prosiding semakan; dan 17. Semasa prosiding semakan, pihak-pihak tidak perlu dipanggil kecuali jika diperlukan sahaja.	Seksyen 171 Akta Tatacara Jenayah (Akta 560): Mendengar pihak-pihak semasa penyemakan Arahan Amalan no. 5/2004: Kehadiran Pihak - Pihak dan Wakil Semasa Prosiding Semakan Kes Mal

PRA PERBICARAAN & PERBICARAAN
KATEGORI 4; Permohonan Semakan Oleh
Pihak-Pihak/Pihak Yang Berkepentingan

BIL	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	AKTIVITI	PROSES	PERUNTUKAN UNDANG- UNDANG/ AUTORITI
13.	HYMP	KEPUTUSAN/ PERINTAH SEMAKAN	18. KES MAL; Keputusan semakan samada diterima, ditolak, atau apa-apa perintah yang wajar, alasan penghakiman secara bertulis hendaklah disediakan; dan 19. KES JENAYAH; Hanya keputusan semakan yang mengubah apa-apa keputusan kes yang disemak, alasan penghakiman secara bertulis hendaklah disediakan.	Arahan Amalan no. 6/2001: Alasan Penghakiman Seksyen 172 Akta Tatacara Jenayah (Akta 560): Perintah apabila kes disemak
14.	PMYMP	PENGELUARAN PERINTAH/ KEPUTUSAN	20. Perintah keputusan semakan tersebut hendaklah disampaikan kepada PMYD/HMYD, pihak-pihak bertikai dan/atau pihak berkepentingan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas keputusan dikeluarkan.	Arahan Amalan no. 6/2018: Pemakluman Keputusan/Perintah Kes-kes Rayuan Dan Permohonan Semakan Bagi Kes Yang Telah Diputuskan
15.	PMYMP	KEMBALIKAN REKOD PROSIDING	21. Mengembalikan rekod prosiding kepada PMYD	
16.	HMYD/PMYD	LAKSANAKAN PERINTAH/ KEPUTUSAN SEMAKAN	22. Melaksanakan apa-apa perintah/keputusan semakan jika ada.	
17.	PMYD/ PMYMP	KEMASKINI REKOD E- SYARIAH	23. Mengemaskini rekod kes di dalam E-Syariah.	
SELESAI				

KATEGORI 4
CARTA ALIR
PERMOHONAN SEMAKAN OLEH PIHAK-PIHAK/PIHAK YANG BERKEPENTINGAN
PROSIDING SEMAKAN DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH/MAHK RAYUAN SYARIAH



[illegible]

(Kategori 4)

BORANG 8

DALAM KAMAR HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
NEGERI _____

PERINTAH MEMANGGIL REKOD PROSIDING DAN/ATAU
MENGGANTUNG PROSIDING

(Arahan Amalan No. 9 Tahun 2019)

Pendaftar

Mahkamah Rendah/Tinggi Syariah Daerah/Dewan___ Negeri _____

SETELAH MAHKAMAH MENELITI alasan-alasan yang diberikan di dalam Notis
Permohonan dan Afidavit permohonan semakan,

MAKA MAHKAMAH PERINTAHKAN rekod prosiding kes mal/jenayah no.
_____ dipanggil bagi tujuan semakan dan prosiding yang
sedang berjalan berkaitan dengan kes tersebut hendaklah digantung sehingga prosiding
semakan selesai.

t.t.
(Hakim)

S.k : Plaintiff/Pemohon/Peguam Syarie
Defendan/Responden/Peguam Syarie



جائتن كحاکمن شرعية ملیسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 5 (51)
Takwim : 25 Rabi'ul Akhir 1441H
Tarikh : 23 Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN NO. 10 TAHUN 2019

GARIS PANDUAN PAKAIAN HAKIM SYARIE, PENDAKWA SYARIE, PEGUAM SYARIE, PEGAWAI DAN PETUGAS DALAM DEWAN MAHKAMAH SYARIAH

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 2 hingga 3 Rabiul' Awwal 1441H bersamaan 30 hingga 31 Oktober 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahkan Amalan berhubung garis panduan pakaian Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai dan Petugas dalam dewan mahkamah syariah seperti di lampiran.

2. Arahkan Amalan No. 3 Tahun 2005: Garis Panduan Pakaian Pendakwa Syarie Dan Peguam Syarie Dalam Mahkamah Rayuan Syariah Dan Mahkamah Tinggi Syariah, Arahkan Amalan No. 4 Tahun 2005: Garis Panduan Pakaian Pendakwa Syarie Dan Peguam Syarie Dalam Mahkamah Rendah Syariah, Arahkan Amalan No. 5 Tahun 2005: Garis Panduan Hakim Syarie Dalam Mahkamah Rayuan Dan Mahkamah Tinggi Syariah, Arahkan Amalan No. 4 Tahun 2012: Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie Dalam Mahkamah Rendah Syariah, Arahkan Amalan No. 1 Tahun 2013: Perluasan Warna Tudung Bagi Peguam Syarie/Pendakwa Syarie/Pegawai Mahkamah Wanita Di Semua Peringkat Dewan Mahkamah dan Arahkan Amalan No. 1 Tahun 2018: Jubah Khas Pendakwa Syarie/Peguam Syarie Dan Larangan Pendakwa

Syarie/Peguam Syarie Memakai Jubah Mahkamah Sivil Atau Apa-apa Jubah Lain adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.



(DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

Lampiran 1

**Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie
Dalam Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi Syariah Dan
Mahkamah Rendah Syariah**

- Lelaki: Berjubah khas (dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja), bersongkok hitam, berbaju melayu hitam dan bersampin hitam atau berkot hitam, berkemeja putih, bertali leher gelap dan berseluar panjang hitam serta berkasut hitam.
- Perempuan: Berjubah khas (dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja), berkot hitam, berbaju kurung berwarna gelap/bercorak hitam putih atau berblaus putih dan berkain hitam dan bertudung hitam, berstokin dan berkasut hitam bertutup.

Lampiran 2

**Garis Panduan Pakaian Pegawai Dan Petugas Mahkamah
Dalam Dewan Perbicaraan Mahkamah Syariah.**

Garis panduan pakaian Pegawai dan petugas Mahkamah termasuklah Ketua Pendaftar, Pendaftar, Pegawai Penyelidik Panel Rayuan/Hakim Bicara, Pembantu Hakim, Jurutulis, Jurubahasa dan Urusetia Sidang Mahkamah Rayuan Syariah yang bertugas ketika prosiding di Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah iaitu:—

Lelaki: Bersongkok hitam, berkot hitam, berkemeja putih, bertali leher gelap dan berseluar panjang hitam atau berbaju melayu hitam dan bersampin hitam serta berkasut hitam.

Perempuan: Berkot hitam, berbaju kurung berwarna gelap/bercorak hitam putih atau berblaus putih dan berkain hitam dan bertudung putih/kelabu gelap tidak bercorak, berstokin serta berkasut hitam bertutup.

2. Arahan Amalan ini tidak terpakai kepada anggota keselamatan beruniform yang bertugas di Mahkamah Syariah.

**Garis Panduan Pakaian Pendakwa Syarie
Dalam Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan
Mahkamah Rendah**

- Lelaki: Berjubah khas (dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja) bersongkok hitam/berserban putih, dan berkot hitam, berkemeja putih, bertali leher gelap dan berseluar panjang hitam atau berbaju melayu hitam dan bersampin hitam serta berkasut hitam.
- Perempuan : Berjubah (dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja) dan berkot hitam, berbaju kurung berwarna gelap/bercorak hitam putih atau berblaus putih dan berkain hitam dan bertudung putih/kelabu gelap tidak bercorak, berstokin serta berkasut hitam bertutup.

**Garis Panduan Pakaian Peguam Syarie
Dalam Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan
Mahkamah Rendah Syariah**

Garis panduan pakaian Peguam Syarie termasuklah Pegawai Undang-Undang dan Pegawai Syariah dari Jabatan Bantuan Guaman yang bertindak sebagai wakil mana-mana pihak iaitu:-

Lelaki: Berjubah khas (dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja) bersongkok hitam/berserban putih, dan berkot hitam, berkemeja putih, bertali leher gelap dan berseluar panjang hitam atau berbaju melayu hitam dan bersampin hitam serta berkasut hitam.

Perempuan : Berjubah (dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja) dan berkot hitam, berbaju kurung berwarna gelap/bercorak hitam putih atau berblaus putih dan berkain hitam dan bertudung putih/kelabu gelap tidak bercorak, berstokin serta berkasut hitam bertutup.

2. Semasa mengendalikan prosiding di mahkamah syariah, Peguam syarie dilarang memakai jubah mahkamah sivil atau apa-apa jubah selain jubah khas seperti contoh berikut;

Contoh Jubah Khas Peguam Syarie





جائتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 5 (52)
Takwim : 25 Rabi'ul Akhir 1441H
Tarikh : 23 Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN NO. 11 TAHUN 2019

Pendengaran Permohonan Perintah Interim/Injunksi *Ex-Parte* Yang Difailkan Atas Perakuan Segera

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 2 hingga 3 Rabiul'Awwal 1441H bersamaan 30 hingga 31 Oktober 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahkan Amalan berhubung Pendengaran Permohonan Perintah Interim/Injunksi *Ex-Parte* Yang Difailkan Atas Perakuan Segera.

2. Sesuatu permohonan perintah interim yang difailkan atas Perakuan Segera hendaklah dikendalikan seperti yang berikut:

- (1) sejurus selepas difailkan, permohonan *ex-parte* tersebut hendaklah dibawa kepada perhatian YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah (selepas ini disebut YA Hakim) berkenaan.
- (2) YA Hakim berkenaan hendaklah seberapa segera menentukan tahap kesegeraan permohonan *ex-parte* tersebut ;

- (3) Jika YA Hakim berkenaan mendapati bahawa—
- (a) permohonan *ex-parte* tersebut berada di tahap kesegeraan yang melampau, YA Hakim berkenaan hendaklah dengan serta merta mendengar permohonan itu;
 - (b) permohonan *ex-parte* tersebut perlu disegerakan perbicaraannya, permohonan itu hendaklah didengar tidak lewat daripada hari bekerja berikutnya; atau
 - (c) permohonan *ex-parte* tersebut tidak perlu disegerakan perbicaraannya, permohonan itu hendaklah didengar pada bila-bila masa dan mengikut apa-apa cara sebagaimana YA Hakim berkenaan fikirkan wajar dan patut, termasuklah memberi arahan penyerahan kertas permohonan untuk pendengaran secara inter-parte.
- (4) walau bagaimanapun, pendengaran permohonan secara inter-parte hendaklah ditetapkan dalam tempoh 21 hari daripada tarikh permohonan *ex-parte* tersebut difailkan.

3. Perakuan Segera adalah sepertimana lampiran.

4. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan No. 5 Tahun 2016: Garis Panduan Prosiding Ex-Parte Hadhanah dan Injunksi.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.


(DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

Lampiran

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH DI MALAYSIA
DI

Kes No.:.....

DI ANTARA

NAMA

...PEMOHON

DENGAN

NAMA

... RESPONDEN

PERAKUAN SEGERA

Saya Pemohon/Peguam Syarie bagi
Pemohon, dengan ini memohon supaya Permohonan Perintah Interim
..... ditetapkan pendengaran dengan
segera kerana;

1.
2.
3.

Bertarikh pada ;

.....
Pemohon/Peguam Syarie

Perakuan Segera ini difailkan oleh



جائتن كحاکيمن شرعية ملیسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 5 (53)
Takwim : 25 Rabi'ul Akhir 1441H
Tarikh : 23 Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN NO. 12 TAHUN 2019

Pindaan Kod Pendaftaran Kes Mal Dan Jenayah Untuk Sistem E-Syariah Versi Tiga (3) Bagi Kod Dewan, Kod Kes, Kod Status Kes, Kes Sulh, Kes Bahagian Sokongan Keluarga, Kod Kes Naziran, Kod Kes Semakan Dan Kod Pendaftaran Rayuan Di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 2 hingga 3 Rabi'ul Awwal 1441H bersamaan 30 hingga 31 Oktober 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Pindaan Kod Pendaftaran Kes Mal Dan Jenayah Untuk Sistem E-Syariah Versi Tiga (3) Bagi Kod Dewan, Kod Kes, Kod Status Kes, Kes Sulh, Kes Bahagian Sokongan Keluarga, Kod Kes Naziran, Kes Semakan Dan Kod Pendaftaran Rayuan Di JKSM adalah seperti di lampiran.

2. Arahan Amalan No. 1 Tahun 2000, Arahan Amalan No. 7 Tahun 2007, Arahan Amalan No. 3 Tahun 2013, Arahan Amalan No. 1 Tahun 2015, Arahan Amalan No. 1 Tahun 2016 dan Arahan Amalan No. 12 Tahun 2018 dibatalkan mulai

.....

Arahan Amalan ini berkuat kuasa

(DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

GARIS PANDUAN
PENGUNAAN KOD KES UNTUK E-SYARIAH
VERSI 3

2020



PANDUAN PENGUNAAN KOD KES UNTUK E-SYARIAH VERSI III

Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia



1.0	Pendahuluan	77
2.0	Tujuan	78
3.0	Skop	78
4.0	Tafsiran	78
5.0	Ciri-Ciri Sistem Kod Sedia Ada (E-Syariah Versi 2)	81
6.0	Ciri-Ciri Sistem Kod Baharu (E-Syariah Versi 3)	82
7.0	Carta Perbandingan Sistem Pernomboran Sedia Ada Dengan Kod Baharu	83
8.0	Panduan Penggunaan Kod Kes	84
8.1	Pendaftaran Fail Fungsian Kes Mal Dan Kes Jenayah	84
9.0	Panduan Penggunaan Kod Status Kes	86
9.1	Kod Status Kes Mal	87
9.2	Kod Status Kes Jenayah	88
9.3	Kod Status Kes Rayuan	89
9.4	Kod Status Kes Semakan	90
9.5	Kod Status Kes Sulh	92
9.6	Kod Status Kes Bahagian Sokongan Keluarga	93
10.0	Kod Kes Naziran	94
11.0	Kod Kes Pendaftaran Rayuan	95
12.0	Kod Dewan Mahkamah Syariah	97
13.0	Jadual Perbandingan Kod Kes Sedia Ada Dengan Kod Kes Baharu	97
14.0	Rujukan	98
15.0	Penutup	98

SENARAI LAMPIRAN

• Lampiran 1	
Klasifikasi Kod Kes Mal	99
• Lampiran 2	
Klasifikasi Kod Kes Jenayah	105
• Lampiran 3	
Klasifikasi Kod Status Kes Mal	110
• Lampiran 4	
Klasifikasi Kod Status Kes Jenayah	112
• Lampiran 5	
Kod Kes Rayuan Bagi Kes Mal & Jenayah	114
• Lampiran 6	
Kod Kes Semakan Bagi Kes Mal & Jenayah	115
• Lampiran 7	
Klasifikasi Kod Sulh	116
• Lampiran 8	
Klasifikasi Kod Bahagian Sokongan Keluarga (BSK)	117
• Lampiran 9	
Kod Kes Naziran (JKSM)	119
• Lampiran 10	
Klasifikasi Kod Pendaftaran Kes Rayuan (JKSM)	120
• Lampiran 11	
Kod Dewan Mahkamah	121
• Lampiran 12	
Jadual Perbandingan (Mapping) Kod Kes Sedia Ada Dengan Kod Kes Baharu – Kes Mal	136
• Lampiran 13	
Jadual Perbandingan (Mapping) Kod Kes Sedia Ada Dengan Kod Kes Baharu – Kes Jenayah	156

1.0 PENDAHULUAN

Sistem kod kes berfungsi membantu pengawalan pewujudan rekod yang mana dapat digunakan sebagai bahan bukti yang sah kerana dapat menunjukkan kandungan, struktur dan konteks pewujudan terutama dalam persediaan kepada persekitaran elektronik.

Semasa pewujudan kod kes pada tahun 2000, kod kes Mal (099) & Jenayah (299) diwujudkan sebagai fungsi pelbagai. Hal ini menyebabkan banyak tajuk kes-kes baharu dimasukkan di bawah kod 099 & 299 tersebut. Oleh yang demikian, adalah perlu untuk menyemak semula kod kes sedia ada supaya pertambahan tajuk kes-kes baharu dapat diselaraskan di dalam fungsi yang sepatutnya.

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyenggaraan Kod Kes Bil. 2/2017 yang bersidang pada 23 Oktober 2017, satu jawatankuasa kajian semula kod kes Rayuan, Mal, Jenayah, Sulh dan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) akan diwujudkan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengkaji semula sistem klasifikasi bagi kod kes yang telah diwujudkan sejak tahun 2000. Ia juga berperanan memastikan keutuhan sistem klasifikasi bagi fail-fail kes di JKSN/MSN di seluruh Malaysia.

Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semua Kod Kes Bil.1/2018 yang bersidang pada 30 Oktober 2018 telah bersetuju dengan kaedah penetapan semula kod kes E-Syariah yang **menepati struktur hireaki klasifikasi fail Arkib Negara Malaysia** yang mengandungi Fungsi/Aktiviti/Sub-aktiviti dan Transaksi dan **menghapuskan penggunaan kod kes transit 099 & 299**.

Selain daripada itu, kod kes Mal dan Jenayah sedia ada tidak dipecahkan mengikut fungsi, aktiviti dan transaksi menyebabkan ia menjadi punca penggunaan kod 099 & 299 secara berleluasa. Kod kes Sulh dan kod kes Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) yang sedia ada juga perlu dikaji semula untuk disesuaikan dengan persekitaran sistem E-Syariah versi baharu. Tambahan pula, dua kod baharu diwujudkan iaitu kod naziran dan kod pendaftaran kes rayuan bagi memastikan pengurusan rekod di Mahkamah Syariah lebih dinamik dan mapan.

2.0 TUJUAN

Panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi penerangan mengenai tatacara penggunaan kod Kes Mal, Kes Jenayah, Kod Status Kes, Kes Sulh dan Kes Bahagian Sokongan Keluarga di JKSN/MSN. Selain itu, panduan ini juga menerangkan penggunaan Kod Kes Naziran dan Pendaftaran Rayuan di JKSM

3.0 SKOP

Panduan ini terpakai bagi mendaftar dan membuka fail kes syariah di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dan Mahkamah Syariah Negeri seluruh Malaysia.

4.0 TAFSIRAN

4.1 Kes Mal

Kes Mal ialah tuntutan yang dibuat oleh pelanggan (Plaintif dan Defendan / Pemohon dan Responden) di Mahkamah Syariah yang berkaitan dengan hal-hal kekeluargaan dan harta benda terhadap sesuatu pihak yang lain. Contoh kes mal ialah kes tuntutan cerai, poligami, harta sepencarian dan lain-lain lagi. Kes Mal di akhiri dengan perintah mahkamah yang menjelaskan sama ada pihak Plaintiff atau Defendan / Pemohon atau Reponden yang berhak atas sesuatu tuntutan dan bagaimana cara pelaksanaannya.

4.2 Kes Jenayah Syariah

Kes Jenayah Syariah bermaksud apa-apa kes jenayah yang dimulakan dengan permohonan Pegawai Penguatkuasa Agama untuk

mendapatkan apa-apa perintah atau dimulakan dengan pemfailan kes oleh Pendakwa Syarie untuk mendakwa seseorang yang telah melanggar undang-undang kesalahan syariah yang berkuatkuasa dan juga kesalahan-kesalahan berkaitan undang-undang Syariah. Contoh kes jenayah syariah ialah kes khalwat, kes tak solat jumaat dan lain-lain lagi. Kes jenayah diakhiri dengan sabitan atas pertuduhan dan hukuman sama ada hukuman denda atau penjara atau sebatan atau kombinasi hukuman yang ada.

4.3 Sulh

Sulh merupakan perkhidmatan sokongan yang diberikan oleh Mahkamah kepada pihak-pihak yang terlibat dalam kes tuntutan Mal. Ia dikenali sebagai penyelesaian alternatif yang mempercepatkan proses mencapai keadilan. Proses Sulh dikendalikan oleh Pegawai Sulh yang mempunyai kepakaran perundingan bagi menyelesaikan pertikaian pihak-pihak tanpa memerlukan perbicaraan di Mahkamah yang lebih panjang.

4.4 Bahagian Sokongan Keluarga (BSK)

BSK juga perkhidmatan sokongan di Mahkamah Syariah yang membantu pihak-pihak yang berkepentingan terhadap sesuatu perintah mahkamah berkaitan dengan nafkah untuk memperolehi haknya. Sebagai contoh pihak Plaintiff memperolehi perintah pembayaran nafkah anak dengan cara Defendan membayar secara bulanan, apabila Defendan gagal melaksanakan perintah tersebut, Plaintiff berhak mendapat khidmat BSK untuk menguatkuasa dan melaksanakan perintah mahkamah tersebut secara teratur. BSK mengendalikan kes-kes pasca perbicaraan dalam membantu keadilan dilihat dilaksanakan dengan betul

4.5 Naziran

Proses Naziran Pertindihan Kes di antara JKSN/MSN seluruh negara adalah salah satu aplikasi fungsi JKSM dalam menyelaraskan proses

Kehakiman Syariah di seluruh Malaysia. Arahan Amalan No. 4 Tahun 2003 mewujudkan Jawatankuasa Naziran Pertindihan Kes yang menentukan Mahkamah mana yang perlu menyelesaikan sesuatu kes yang sama tuntutan dan melibatkan pihak-pihak yang sama di dua negeri yang berbeza.

Sekiranya berlaku pertindihan kes yang sama melibatkan pihak-pihak yang sama di antara dua buah negeri, Pendaftar JKSN/MSN berkaitan hendaklah menghantar butiran kes-kes berkenaan ke Jawatankuasa Naziran Pertindihan Kes di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia terlebih dahulu untuk mendapatkan ulasan dan apa-apa arahan sebelum diberikan penghakiman.

4.6 Pendaftaran Rayuan

Kes rayuan ialah kes yang dirayu dari Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah atau dari Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah. Keputusan Mahkamah Rayuan Syariah ialah keputusan yang muktamad dan tidak boleh dirayu lagi. Pendaftaran Rayuan di JKSN/MSN dikendalikan oleh Ketua Pendaftar masing-masing mengikut Undang-undang Tatacara Mal & Jenayah.

Pendaftaran Rayuan di JKSM adalah berkaitan kes-kes rayuan di JKSN/MSN yang melantik Hakim-Hakim Rayuan JKSM sebagai Panel Hakim Rayuan di JKSN/MSN. Proses pendaftaran dan penjadualan kes rayuan yang melibatkan Hakim Rayuan di JKSM dikendalikan oleh Seksyen Pendaftaran Rayuan di Bahagian Pendaftaran Keurusetiaan dan Rekod (BPKR).

5.0 CIRI-CIRI SISTEM KOD SEDIA ADA (E-SYARIAH VERSI 2)

- Selaras satu Malaysia
- Mengandungi 16 aksara (contoh: **10100-014-0123-2018**)

- Merangkumi identifikasi:
 - Kod Negeri - **10100** - Bermaksud Negeri Selangor
 - Hiraki Mahkamah (MRS / MTS / MRYS) - **10100** Mahkamah Tinggi Syariah Dewan 1
 - Kod Dewan/Daerah (Dewan 1 / MRS Daerah 1,2,3)
 - Kod Kes (Kes Jenayah & Kes Mal) - 014 Bermaksud Kes Tuntutan Fasakh
 - Bilangan Kes / Tahun - 0123-2018 Bermaksud Kes Ke 123 Di Daftarkan Di Dewan Ini Pada Tahun 2018.
- Wujudnya kod kes transit iaitu kod 099 bagi kes mal (lain-lain tuntutan) dan bagi kes jenayah kod 299 (lain-lain pertuduhan) dalam senarai kod kes.
- Sejak 2016, Jawatankuasa Penyenggaraan Kod Kes diwujudkan bagi mempertimbangkan sebarang permohonan penambahbaikan sistem.

6.0 CIRI-CIRI SISTEM KOD BAHARU (E-SYARIAH VERSI 3)

- Selaras satu Malaysia
- Mengandungi 16 - 18 aksara, contoh: **Kes Mal 2001-L0110-153-0002.01**
- Merangkumi identifikasi:
 - Tahun dan bulan semasa - **2001** bermaksud Tahun 2020 & Bulan Januari)
 - Kod Dewan & Hiraki mahkamah (MRS / MTS / MRyS)/daerah (Dewan 1 / MRS Daerah 1,2,3) - **L0110** bermaksud MRS Negeri Selangor (Dewan 1-Shah Alam)
 - Kod Negeri - **H0110** bermaksud Negeri Selangor
 - Kod kes (kes jenayah & kes mal) - **153** bermaksud kes Mal, Tuntutan Pengesahan Cerai Taklik
 - Bilangan kes bagi dewan ini pada tahun semasa - **0002** bermaksud kes ini kes kedua didaftarkan pada tahun 2020
 - Status kes (pra perkahwinan / sulh / perbicaraan / pasca bicara / rayuan / semakan / bsk) - **.01** bermaksud status kes ini adalah diperingkat Permohonan Saman Gantian

7.0 CARTA PERBANDINGAN SISTEM PERNOMBORAN SEDIA ADA DENGAN KOD BAHARU

Versi Lama	Perbandingan	Versi Baharu
16	Aksara	16-18
10000-003-0123-2018	Susunan	2001-H0110-153-0002.01
• kod negeri • hiraki mahkamah (MRS / MTS / MRyS) • kod dewan/daerah (Dewan 1 / MRS Daerah 1,2,3) • kod kes (kes jenayah & kes mal) • Bilangan kes / Tahun	Kandungan	• Tahun dan bulan semasa - 2001 • Kod Dewan & Hiraki mahkamah (MRS / MTS / MRyS)/daerah (Dewan 1 / MRS Daerah 1,2,3) - MTS Negeri Selangor (Dewan 1-Shah Alam) • Kod Negeri - Selangor • kod kes (kes jenayah & kes mal) - Mal (Tuntutan Cerai Taklik) • Bilangan kes ke 02 bagi dewan ini pada tahun semasa • Status kes (sama ada pra perkahwinan/ sulh/ perbicaraan/ pasca bicara/ rayuan/ semakan/ bsk) - Permohonan Saman Gantian
099 & 299	Kes Transit	Tiada

8.0 PANDUAN PENGGUNAAN KOD KES

Kod Kes ini hendaklah menjadi asas kepada pengenalan rekod fungsian di JKSN/MSN ketika menerima pendaftaran kes. Berikut adalah panduan dan contoh penggunaan kod kes mengikut peranan bahagian pendaftaran Mahkamah, Majlis Sulh, Bahagian Sokongan Keluarga, Naziran dan Pendaftaran Rayuan di JKSM.

8.1 Pendaftaran Fail Fungsian Kes Mal Dan Kes Jenayah

8.1.1 Pendaftaran fail fungsian bagi mana-mana kes Mal dan Jenayah oleh Pendaftar JKSN/MSN perlu merujuk kepada kod-kod berikut:

- a) Kod Dewan
- b) Kod Kes Mal
- c) Kod Status Kes Mal (Jika berkaitan)
- d) Kod Kes Jenayah
- e) Kod Status Kes Jenayah (Jika berkaitan)
- f) Kod Kes Rayuan
- g) Kod Kes Semakan

8.1.2 Kod Kes bagi sesuatu fail fungsian (fail kes) hanya boleh didaftarkan apabila telah lengkap fakta berkenaan:

- a) Negeri lokasi JKSN/MSN
- b) Hiraki Dewan mendengar kes (sama ada Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Utama)
- c) Dewan atau Daerah
- d) Tahun pendaftaran kes
- e) Bulan pendaftaran kes
- f) Kes Tuntutan/Permohonan
- g) No pendaftaran kes terkini
- h) Status kes Mal/Jenayah

8.1.3 Kod Kes akan dijana oleh Sistem E-Syariah Versi 3 dengan format berikut:

a) Kes Mal 2001-L0110-153-0002

Huraian:

20	=	Tahun 2020
01	=	Bulan Januari
L01	=	Dewan 1, Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam
10	=	Negeri Selangor
153	=	Tuntutan Pengesahan Cerai Taklik
0002	=	Kes bilangan ke-2 didaftarkan di Dewan 1, Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam

b) Kes Jenayah 2003-L0114-651-0089

Huraian:

20	=	Tahun 2020
03	=	Bulan Mac
L01	=	Dewan 1, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan
14	=	Wilayah Persekutuan
651	=	Khalwat / Percubaaan Persetubuhanan Haram / Bersekedudukan
0089	=	Kes Jenayah bilangan ke-89 didaftarkan di Dewan 1, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan.

8.1.4 Senarai Kod Kes Mal adalah seperti di **Lampiran 1**.

8.1.5 Senarai Kod Kes Jenayah adalah seperti di **Lampiran 2**.

9.0 PANDUAN PENGGUNAAN KOD STATUS KES

Kod status kes adalah kod yang baru diperkenalkan dalam sistem kod kes ini. Ia merupakan dua (2) aksara tambahan selepas noktah / titik (.) di hadapan bilangan kes.

Tujuan kod status kes ini diwujudkan adalah untuk menjelaskan status sesuatu peringkat / proses bagi satu-satu kes mal atau jenayah di Mahkamah contohnya di peringkat pra bicara kes jenayah syariah (permohonan waran geledah/waran tangkap dan lain-lain). Kod status ini juga mampu mengasimilasikan kod kes Sulh dan Kod BSK sedia ada dalam satu sistem kod kes yang standard.

Kod status kes tidak menjana jumlah status kes yang didaftar tetapi mengekalkan nombor pendaftaran kes asal. Walaubagaimanapun jumlah bilangan kes yang didaftar boleh ditawan (capture) oleh sistem E-Syariah dan boleh diakses bila diperlukan.

Kod Status Kes dibahagikan kepada enam (6) kategori, sebagaimana berikut-

- a) Kod Status Kes Mal:
menjelaskan status prosiding kes mal
- b) Kod Status Kes Jenayah:
menjelaskan status prosiding ke Jenayah
- c) Kod Status Kes Rayuan:
menjelaskan jenis rayuan/permohonan yang dipohon ke Mahkamah yang berhak mendengar rayuan
- d) Kod Status Kes Semakan:
menjelaskan jenis semaka yang dipohon ke Mahkamah yang berhak melakukan semakan:
- e) Kod Kes Sulh:
menjelaskan status kes yang masih diperingkat Sulh
- f) Kod Kes BSK:
menjelaskan status sesuatu kes yang sedang diuruskan oleh Seksyen Bahagian/Seksyen Sokongan Keluarga

9.1 Kod Status Kes Mal

- 9.1.1 Kod Status Kes Mal adalah terpakai bagi kes mal di pelbagai peringkat sama ada pra bicara, semasa perbicaraan sedang berjalan mahupun di peringkat pasca perbicaraan.
- 9.1.2 Kod ini diwujudkan bagi mengenalpasti status prosiding kes bagi kes mal sama ada Permohonan Interlokutori, Ex-Parte, Notis Tunjuk Sebab dan lain-lain.
- 9.1.3 Ia merupakan dua (2) askara tambahan selepas noktah / titik (.) di hadapan bilangan kes.
- 9.1.4 Kod Satus Kes Mal adalah seperti di **Lampiran 3**
- 9.1.5 Contoh penggunaan kod kes semakan adalah sebagaimana berikut:

Kod Status Kes Mal: 2001-H0110-153-0002.02

Huraian

20	=	Tahun 2020
01	=	Bulan Januari
H01	=	Dewan 1, Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam
10	=	Negeri Selangor
153	=	Tuntutan Cerai Taklik
0002	=	Kes bilangan ke-2 didaftarkan di Dewan 1, Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam
.02	=	Kes di peringkat pengurusan Permohonan Penyampaian Luar Bidangkuasa

9.2 Kod Status Kes Jenayah

9.2.1 Kod Status Kes Jenayah adalah terpakai bagi kes jenayah di pelbagai peringkat sama ada pra bicara, semasa pembicaraan sedang berjalan mahupun di peringkat pasca perbicaraan.

9.2.2 Kod ini diwujudkan bagi mengenalpasti status prosiding kes bagi kes jenayah sama ada permohonan waran tangkap, permohonan tangguh perlaksanaan hukuman dan lain-lain.

9.2.3 Ia merupakan dua (2) askara tambahan selepas noktah / titik (.) di hadapan bilangan kes.

9.2.4 Kod Status Kes Jenayah adalah seperti di **Lampiran 4**.

9.2.5 Contoh penggunaan kod kes jenayah adalah sebagaimana berikut:

Kes Jenayah: 2010-H0114-651-0089.32

Huraian:

20	=	Tahun 2020
10	=	Bulan Oktober
H01	=	Dewan 1, Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan
14	=	Wilayah Persekutuan
651	=	Khalwat / Percubaaan Persetubuhanan Haram / Bersekedudukan
0089	=	Kes Jenayah bilangan ke-89 didaftarkan di Dewan 1, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan.
.32	=	Permohonan Penggantungan Pelaksanaan Hukuman

9.3 Kod Kes Rayuan

- 9.3.1 Kod Kes Rayuan adalah terpakai bagi semua kes rayuan sama ada rayuan dari Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah atau rayuan dari Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah atau ke Mahkamah yang lebih tinggi.
- 9.3.2 Kod ini diwujudkan bagi mengenalpasti jenis sesuatu kes rayuan sama ada kes rayuan, permohonan kebenaran merayu, permohonan lanjut tempoh atau rayuan dalam kamar.
- 9.3.3 Kod Dewan Mahkamah Tinggi Syariah bagi kes rayuan dari Mahkamah Rendah Syariah (Kod 500) telah dimansuhkan. Penggunaan kod kes rayuan ini adalah sebagai alternatif bagi menunjukkan kes rayuan tersebut serta peringkat rayuan yang dilalui.
- 9.3.4 Ia merupakan dua (2) askara tambahan selepas noktah / titik (.) di hadapan kod kes.
- 9.3.5 Kod Kes Rayuan adalah seperti di **Lampiran 5**.
- 9.3.6 Contoh penggunaan kod kes rayuan adalah sebagaimana berikut:

Kes Rayuan Mal: 2009-H0110-153-0030.A1

Huraian:

20	=	Tahun 2020
09	=	Bulan September
H01	=	Dewan 1, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam
10	=	Negeri Selangor
153	=	Tuntutan Pengesahan Cerai Taklik
0030	=	Kes bilangan ke-30 di daftarkan di Dewan 1,

Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam

Rayuan Peringkat Pertama ,

.A1 = Kes Rayuan dari Mahkamah Rendah Syariah
(MRS) ke Mahkamah Tinggi Syariah (MTS)

Kes Rayuan Jenayah: 2010-A0010-651-0030.A2

Huraian:

20 = Tahun 2020

10 = Bulan Oktober

A00 = Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor

10 = Negeri Selangor

651 = Kes Khalwat

0030 = Kes Jenayah bilangan ke-30 didaftarkan di
Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor
Rayuan Peringkat Pertama,

.A2 = Kes Rayuan dari Mahkamah Rendah Syariah
(MRS) ke Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) dan
dirayu ke Mahkamah Rayuan Syariah.

9.4 Kod Kes Semakan

9.4.1 Kod Kes Rayuan adalah terpakai bagi semua kes semakan sama ada semakan dari Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah atau rayuan dari Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah.

9.4.2 Kod ini diwujudkan bagi mengenalpasti jenis sesuatu kes semakan sama ada kes semakan oleh hakim bicara, semakan oleh pihak-pihak dan sebagainya.

9.4.3 Kod Dewan Mahkamah Tinggi Syariah bagi kes semakan dari Mahkamah Rendah Syariah (Kod 500) telah dimansuhkan.

Penggunaan kod kes semakan ini adalah sebagai alternatif bagi menunjukkan kes semakan tersebut.

